

Sistem perparitan biak nyamuk



SIM IK (kanan) menunjukkan longkang yang rosak di Jalan Durian 4, Taman Cheras, Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR - Lebih 1,000 penduduk Taman Cheras di sini kini berisiko dijangkiti demam denggi ekoran sistem perparitan yang tidak sempurna sehingga ia menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Dakwa penduduk, longkang di taman itu juga tersumbat sehingga air tidak dapat mengalir lancar kerana hampir semua struktur longkang konkrit di kawasan perumahan tersebut pecah dan rosak teruk.

Tinjauan *KOSMO!* ke lokasi berkenaan mendapati, longkang-longkang di situ jelas menakung air.

Pengarah Pusat Perkhidmatan MCA Bahagian Cheras, Dr. Jeffrey Goh Sim Ik berkata, struktur longkang tersebut perlu dibaik pulih dan dibersihkan bagi memastikan penduduk terutama kanak-kanak terhindar daripada penyakit berjangkit.

"Tempat pembiakan nyamuk aedes ini perlu dihapuskan secepat mungkin," katanya selepas melawat longkang-longkang di taman perumahan itu, di sini semalam.

Pada masa sama, Jeffrey turut sedih dengan keadaan taman permainan kanak-kanak di perumahan tersebut yang berbahaya kepada kanak-kanak.

"Di kiri dan kanan taman permainan terdapat tebing tinggi iaitu kira-kira tiga meter dan ini jelas bahaya kepada anak kecil," ujarnya.

Katanya, pagar penghadang perlu diletakkan di tebing-tebing tinggi kawasan taman permainan berkenaan bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Kerja Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberitahu, pihaknya akan membaik pulih longkang yang rosak.